

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' DR. MOHD KHAIRUDDIN BIN AMAN
RAZALI [KUALA NERUS]**

TARIKH : 07 OKTOBER 2019 (ISNIN)

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perkembangan rancangan bagi menyeragamkan undang-undang Syariah di seluruh negara.

**JAWAPAN : (YB DATUK SERI DR. MUJAHID BIN YUSOF,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa komited untuk menggubal model draf undang-undang syariah bagi tujuan penyelarasan dan penyeragaman undang-undang negeri-negeri di seluruh Malaysia.
2. Antaranya, dengan kejayaan untuk mewujudkan Akta Profesion Guaman Syarie (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 2019 yang telah diluluskan oleh Parlimen pada sesi mesyuarat yang lepas. Akta ini adalah undang-undang pertama yang digubal di Malaysia untuk mengangkat kedudukan peguam syarie di Malaysia. Akta ini diharap menjadi model draf undang-undang kepada negeri-negeri untuk diadaptasi dalam menggubal undang-undang berkaitan profesion guaman Syarie di negeri masing-masing.

3. Kerajaan sedang dalam proses untuk menyeragamkan undang-undang kesalahan jenayah syariah negeri-negeri di seluruh Malaysia. Untuk ini, kajian telah dijalankan di mana selain daripada penyeragaman dari segi jenis kesalahan, jenis hukuman dan kadar hukuman, terdapat juga penambahbaikan lain yang akan dibuat, antaranya dengan memasukkan atau memperkemaskan elemen-elemen kesalahan bagi kesalahan-kesalahan tertentu dan mengadakan peruntukan untuk memberi kuasa budi bicara kepada mahkamah syariah untuk membuat perintah-perintah yang bersifat pemulihan (*rehabilitative*).

4. Cadangan penyeragaman undang-undang kesalahan jenayah syariah ini telah dibentangkan dan dipersetujui oleh Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Ugama Islam (MKI) pada 13 Jun 2019. Ia juga telah dibentangkan kepada negeri-negeri di bawah naungan DYMM SPB Yang di-Pertuan Agong iaitu, Wilayah-Wilayah Persekutuan, Sabah, Sarawak, Pulau Pinang, Melaka dan Pahang semasa sesi Majlis Munaqasyah Pengurusan Hal Ehwal Islam Negeri-Negeri di bawah naungan SBP Yang di-Pertuan Agong di Istana Negara pada 20 Jun 2019.

5. Cadangan draf model undang-undang kesalahan jenayah syariah yang digubal hasil daripada kajian yang dijalankan telah dibentangkan kepada negeri-negeri seluruh Malaysia untuk mendapatkan maklumbalas dan pandangan dalam Majlis Dialog Undang-Undang yang diadakan pada 4, 5, 11 dan 12 September 2019.

6. Kerajaan juga melalui Jawatankuasa Kajian Penambahbaikan Undang-Undang telah menjalankan kajian untuk menambah baik empat (4) undang-undang syariah utama yang telah diseragamkan oleh negeri-negeri di seluruh Malaysia iaitu:

- a) undang-undang keluarga Islam;
- b) undang-undang keterangan mahkamah syariah;
- c) undang-undang tatacara mal mahkamah syariah; dan
- d) undang-undang tatacara jenayah syariah.

7. Hasil kajian ini akan dibentangkan dan dimuktamadkan oleh Jawatankuasa Teknikal Undang-Undang Syarak dan Sivil. Selain itu, hasil kajian ini juga akan dibentangkan kepada negeri-negeri seluruh Malaysia untuk mendapatkan maklum balas dan pandangan melalui forum-forum seperti Majlis Dialog Undang-Undang dan Persidangan Penyelarasan Undang-Undang Syarak dan Sivil. Kesemua maklum balas dan pandangan yang diberikan ini akan diperhalusi dan diteliti dalam menghasilkan draf model undang-undang yang terbaik sebelum dibentangkan dalam mesyuarat Persidangan Ketua-Ketua Jabatan (PKJ), Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Ugama Islam (MKI) dan Majlis Raja-Raja.

Sekian, terima kasih.